

Malaysia sedia bantu bangunkan semula GAZA

PM hargai undangan Jepun sebagai pengerusi bersama CEAPAD, doa agar gencatan senjata berterusan

London: Malaysia, yang sekian lama mempertahankan hak dan kebebasan rakyat Palestin akan membantu dalam pembinaan semula Gaza, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan berdoa agar gencatan senjata yang diumumkan Rabu lalu berterusan.

“Ada cabaran, kami berdoa (gencatan senjata) akan kekal. Kami akan bantu untuk pembinaan semula Gaza,” katanya kepada jemaah Masjid East London sebelum solat Jumaat.

Anwar berkata, ia sesuatu yang baik dan Jepun mengundang Malaysia untuk menjadi pengerusi bersama Persidangan mengenai Kerjasama antara Negara Asia Timur untuk Pembangunan Palestin (CEAPAD), memfokuskan pada pembangunan semula Gaza.



Anwar berucap selepas selesai menunaikan solat Jumaat di Masjid East London.

(Foto BERNAMA)

Perjanjian gencatan senjata tiga fasa itu diusahakan Mesir, Amerika Syarikat dan Qatar, akan dikuatkuasakan hari ini, serta menyasarkan untuk menamatkan konflik 15 bulan di Gaza.

Pada Khamis lalu, Anwar berkata, walaupun pembinaan semula menjadi keutamaan, kehilangan nyawa lebih 46,700 rakyat Palestin dan lebih dua juta orang kehilangan tempat tinggal perlu turut diakui dan tidak dilupakan.

Perdana Menteri, yang kini dalam lawatan kerja lima hari ke United Kingdom menyerahkan al-Quran dengan terjemahan bahasa Inggeris kepada pihak pengurusan masjid, sebelum makan tengah hari bersama ahli Majlis Muslim Britain.

RM4.5 trilion diperlukan

Sementara itu, Anwar berkata, pembangunan semula Gaza yang hampir musnah akibat serangan Israel sejak Oktober 2023, dijangka membabitkan kos lebih AS\$1

trilion (RM4.5 trilion).

Katanya, jumlah besar diperlukan kerana kemudahan seperti masjid, sekolah, hospital dan rumah yang musnah.

“Ada yang anggarkan kos sebanyak AS\$1 trilion (RM4.5 trilion),” katanya pada sidang media bersama media Malaysia yang membuat liputan lawatan beliau ke United Kingdom dari 15 hingga 19 Januari.

Selepas itu, Anwar dijadualkan meneruskan lawatan kerja dua hari ke Belgium. BERNAMA